

BN mahu kerajaan2 negeri yang boleh bekerjasama

UM 13 APR 1982

PULAU PINANG, 12 April - Barisan Nasional yang memerintah di Pusat memerlukan kerajaan-kerajaan negeri yang boleh bekerjasama penuh dengannya supaya pentadbiran negara dan rancangan pembangunan tidak terganggu.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menegaskan ini berkata, walaupun terdapat pembahagian kuasa di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri, kerjasama erat antara keduanya amat penting.

Perdana Menteri mengingatkan, jika tidak ada kerjasama yang erat, segala urusan negara dan rancangan-rancangan pembangunan akan terganggu.

Berucap di upacara menanam cerucuk jambatan Pulau Pinang di Batu Uban hari ini, beliau berkata, rakyat bernasib baik kerana semua kera-

jaan negeri terdiri daripada kumpulan yang sama yang memerintah di peringkat Pusat.

Oleh kerana itu, tegasnya, kerjasama antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat adalah satu jenis kerjasama yang cukup berkesan.

"Kerana kerjasama inilah kerajaan dapat memperuntukkan wang yang cukup untuk kepentingan pembangunan negeri-negeri".

"Kita tahu jika peruntukan diberi kepada orang-orang yang tidak secocok dengan kita, maka mereka akan berkata bahawa tidak perlu adakan kerjasama yang erat kerana mereka juga akan dapat bantuan," katanya.

Sebaliknya, tegas beliau, jika tidak diberikan bantuan, mereka akan menggunakan ketiadaan bantuan itu sebagai satu isu pufa.

Perdana Menteri berkata, sebab itulah Kerajaan Pusat mendapati sukar untuk bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri yang terdiri dari golongan yang tidak secocok dengannya.

Beliau menegaskan, adalah sukar bagi Kerajaan Pusat memberi bantuan kepada kerajaan negeri yang diperintah oleh golongan yang tidak dapat bekerjasama dengannya kerana bantuan ini boleh digunakan untuk kepentingan sendiri dan bukan untuk rakyat.

"Oleh itu kita berkehendakkan supaya kerjasama antara Pusat dengan negeri dipermudahkan dengan adanya kerajaan negeri yang secocok dengan Kerajaan Pusat," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, projek jambatan Pulau Pinang hanya bergerak dan menjadi satu kenyataan selepas gerakan me-

nyertai Barisan Nasional yang membolehkan Kerajaan Pusat bekerjasama dengannya.

Rendah telah dipisahkan Pegawai Kerani Am, Kerajaan bawah Kod Gaji D11 semestinya diletakkan di bawah Kod G

Sebelum pelaksanaan perkhidmatan kedua-dua je melalui Pek Perkhidmata Tahun 1974 (Bil. JPA S 11/83). Melalui pekeliling ang, kerajaan negeri dan Pusat dapat bekerjasama dengan erat hingga apa yang menjadi khayalan ketika ini akan menjadi kenyataan tidak lama lagi", katanya.

Perdana Menteri menambah, mungkin ada pihak-pihak yang akan menuduh Kerajaan Pusat tidak adil kerana tidak menolong kerajaan negeri yang terdiri dari kumpulan-kumpulan lain.

"Soal ini bukan soal keadilan, tetapi adalah soal kerjasama antara

golongan dengan golongan", katanya.

Beliau menegaskan, pembinaan jambatan Pulau Pinang misalnya memerlukan peruntukan wang yang banyak dari Kerajaan Pusat "tetapi jika terdapat perselisihan faham antara Pusat dengan negeri mungkin projek itu tidak dapat dijalankan".

Bagaimanapun beliau yakin penduduk Pulau Pinang tidak mahu melihat projek tersebut gagal dan akan mengekalkan kerajaan negeri yang memerintah sekarang.